



MRSM TERENDAK

KAMI CEMERLANG TERENDAK GEMILANG

PERATURAN PAKAIAN

PELAJAR LELAKI

a. Baju Kemeja / Baju T

- i. Baju kemeja berkolar potongan biasa sama ada berlengan panjang atau pendek dibenarkan. Lain-lain jenis baju seperti baju T berkolar, baju T sukan atau seumpamanya dibenarkan untuk aktiviti riadah sahaja. Baju T tidak berkolar tidak dibenarkan.
- ii. Baju hendaklah disisipkan ke dalam seluar.
- iii. Baju kemeja berlengan panjang hendaklah dibutangkan di pergelangan tangan dan tidak dibenarkan dilipat.
- iv. Pemakaian semua jenis jaket tidak dibenarkan ke kelas akademik. Baju panas (*sweater*) dibenarkan dalam keadaan tertentu sahaja.

b. Seluar

- i. Kain seluar '*slack*' yang dibenarkan ialah daripada jenis yang sesuai. Selain itu kain jenis Denim, PVC, '*Corduroy*' atau kulit tidak dibenarkan.
- ii. Pemakaian semua jenis '*jeans*' dan '*cotton slack*' tidak dibenarkan.
- iii. Fesyen seluar '*slack*' hendaklah tidak terlalu longgar '*baggy*', '*slim fit*', terlalu ketat dan berkaki singkat tidak dibenarkan. Paras kaki seluar hendaklah melepas bawah buku lali dan ukur lilit seluar di antara 35cm – 45cm.

c. Tali Pinggang

- i. Tali pinggang hendaklah dari jenis kulit atau PVC.
- ii. Lebar tali pinggang hendaklah di antara 2.5 cm – 3.0 cm dan berwarna hitam atau coklat tua. Tali pinggang yang berwarna-warni dan berbelang tidak dibenarkan.
- iii. Kepala tali pinggang hendaklah tidak terlalu besar dan tidak mempunyai lambang yang tidak sesuai, seperti lambang binatang atau tulisan yang tidak sesuai dan tidak bermoral.

d. Kasut dan Stoking

- i. Kasut hendaklah dari jenis kulit atau PVC berwarna hitam. Kasut sukan, selipar, sandal, '*boot*', '*semi boot*', atau lain-lain kasut yang berwarna-warni dan bercorak tidak dibenarkan ke kawasan akademik dan pentadbiran.
- ii. Pemakaian kasut bersama stoking adalah diwajibkan. Stoking hendaklah menutupi buku lali.
- iii. Warna stoking hendaklah sesuai dan tidak berbelang-belang atau berwarna-warni.

e. Tali Leher

- i. Tali leher rasmi maktab sahaja yang dibenarkan ketika mengenakan pakaian rasmi maktab.
- ii. Tali leher yang lain dibenarkan ketika mengenakan pakaian bukan pakaian rasmi maktab.
- iii. Tali leher hendaklah dipakai semasa upacara rasmi seperti kelas akademik, perhimpunan, majlis makan rasmi dan lain-lain.

f. Tutup Kepala

- i. Hanya songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan dipakai semasa majlis rasmi.
- ii. Kopiah dan serban dibenarkan untuk tujuan menunaikan solat sahaja.
- iii. Topi dan '*cap*' dibenarkan untuk tujuan bersukan sahaja.



MRSM TERENDAK

KAMI CEMERLANG TERENDAK GEMILANG

PERATURAN PAKAIAN

PELAJAR PEREMPUAN

a. Baju dan kain

- i. Pelajar hanya dibenarkan memakai baju kurung untuk ke kawasan akademik dan pentadbiran.
- ii. Pelajar bukan Islam digalakkan memakai baju kurung dan dibenarkan memakai blaus berlengan serta *skirt* labuh melebihi paras lutut.
- iii. Baju dan kain hendaklah tidak ketat dan jarang.

b. Tudung

- i. Tudung hendaklah berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan.
- ii. Tudung dan anak tudung berwarna putih sahaja dibenarkan pada waktu akademik.
- iii. Warna lain dibenarkan di luar waktu akademik.
- iv. Tudung hendaklah tidak jarang dan tidak bercorak serta perlu menutupi bahagian dada.

c. Kasut

- i. Kasut hendaklah jenis yang bersarung dan bukan dari jenis selipar atau sandal.
- ii. Kasut warna hitam sahaja dibenarkan dipakai pada waktu akademik.
- iii. Kasut "berfesyen" dan berwarna-warni tidak dibenarkan.
- iv. Ketinggian tumit tidak melebihi 2.5 cm

PAKAIAN LARANGAN

Pada bila-bila masa di dalam kawasan maktab, pelajar dilarang memakai/memiliki/menyimpan pakaian seperti berikut :

- i. Semua jenis pakaian yang ditafsirkan sebagai menjolok mata atau pakaian yang mendedahkan aurat mengikut tafsiran Agama Islam atau pakaian ketat yang memperlihatkan raut anggota atau tubuh badan pemakainya atau pakaian yang ditafsirkan sebagai 'seksi' atau bertentangan dengan nilai-nilai budaya dan moral masyarakat.
- ii. Baju atau pakaian yang ada gambar orang atau kumpulan seperti penyanyi, pemimpin, ahli sukan dan sebagainya atau gambar-gambar lucu atau gambar-gambar yang bertentangan dengan akidah Islam atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya maktab dan negara.
- iii. Baju atau pakaian yang bertulis dengan tulisan atau cakaran lucu, ganas atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya bangsa dan negara.
- iv. Semua jenis 'jeans' atau 'cotton slacks'.
- v. Tali pinggang berkepala besar, 'rugged', berwarna-warni dengan tulisan atau lakaran atau reka bentuk binatang, lucu, ganas dan sebagainya.
- vi. Mini telekung (tudung bulat labuh) untuk pelajar perempuan.
- vii. Tidak memakai baju, memakai baju menampakkan pusat, berkemban, memakai tuala mandi sahaja dan berkaki ayam.
- viii. Memakai sebarang jenis pakaian yang dianggap tidak sesuai/tidak wajar dipakai oleh pelajar sekolah.
- ix. Memakai baju T tidak berkollar.
- x. Memakai baju yang menyerupai tentera, polis atau agensi-agensi keselamatan lain.
- xi. Memakai pakaian yang selekeh, kotor, koyak, berbau busuk atau bertampal.



MRSM TERENDAK

KAMI CEMERLANG TERENDAK GEMILANG

PERATURAN PAKAIAN UNTUK AKTIVITI MAKTAB

	PAKAIAN LELAKI	PAKAIAN PEREMPUAN
Waktu Kelas Akademik	<ol style="list-style-type: none">1. Baju kemeja berlengan panjang berwarna 'peach' muda dan seluar panjang berwarna coklat atau baju kemeja berlengan panjang berwarna biru muda dan seluar panjang berwarna biru tua.2. Berkasut kulit / PVC hitam bertali, berstoking hitam.3. Memakai tanda nama.4. Bertali leher maktab.5. Tali pinggang berwarna gelap (hitam/coklat). Lebarnya 2.5-3 cm dan berkepala kecil.6. Songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan.	<ol style="list-style-type: none">1. Baju kurung berwarna 'peach' muda dan kain kurung berwarna coklat atau baju kurung berwarna biru muda dan kain kurung berwarna biru tua.2. Berkasut kulit / PVC hitam, bertumit tidak melebihi 2.5 cm, berstoking hitam.3. Memakai tanda nama.4. Tudung hendaklah berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan.
Waktu Perhimpunan dan Upacara Rasmi	<ol style="list-style-type: none">1. Baju kemeja berlengan panjang berwarna 'peach' muda dan seluar panjang berwarna coklat.2. Berkasut kulit / PVC hitam bertali, berstoking hitam.3. Memakai tanda nama.4. Bertali leher maktab.5. Tali pinggang berwarna gelap (hitam/coklat). Lebarnya 2.5-3 cm dan berkepala kecil.6. Songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan.	<ol style="list-style-type: none">1. Baju kurung berwarna 'peach' muda dan kain kurung berwarna coklat atau baju kurung berwarna biru muda dan kain kurung berwarna biru tua.2. Berkasut kulit / PVC hitam, bertumit tidak melebihi 2.5 cm, berstoking hitam.3. Memakai tanda nama.4. Tudung hendaklah berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan
Badan Beruniform, Kelab/Persatuan	Pakaian yang ditetapkan oleh Badan Uniform, Kelab / Persatuan.	Pakaian yang ditetapkan oleh Badan Uniform, Kelab / Persatuan.
Kelas Pendidikan Jasmani & Pendidikan Kesihatan (Praktikal)	<ol style="list-style-type: none">1. <i>Track bottom</i> warna hitam / biru gelap. Baju T berkollar berwarna putih.2. Kasut sukan dan berstoking.	<ol style="list-style-type: none">1. <i>Track bottom</i> warna hitam / biru gelap. Baju T berkollar berwarna putih dan berlengan panjang.2. Kasut sukan dan berstoking.
Sukan & Permainan	<ol style="list-style-type: none">1. Seluar pendek dengan <i>tights</i> berwarna gelap dan <i>track bottom</i> berwarna gelap.2. Baju T tanpa bercetak (<i>Plain T-Shirt</i>) atau baju T rumah sukan.3. Kasut yang bersesuaian dengan sukan dan permainan.	<ol style="list-style-type: none">1. <i>Track bottom</i> berwarna gelap.2. Baju T tanpa bercetak (<i>Plain T-Shirt</i>) atau baju T rumah sukan berlengan panjang.3. Kasut yang bersesuaian dengan sukan dan permainan.
Aktiviti KoKurikulum	Berpakaian mengikut Badan Uniform yang dianggotai atau baju T berkollar berwarna bebas dengan corak. Kasut yang bersesuaian dengan aktiviti.	Berpakaian mengikut Badan Uniform yang dianggotai atau baju T berkollar berwarna bebas dengan corak. Kasut yang bersesuaian dengan aktiviti.
Keluar Bandar / Pulang Bermalam / Kembali ke Maktab	Pakaian Batik Rasmi Maktab atau Pakaian Rasmi Maktab atau Baju T Rasmi Maktab dan berkasut kulit / PVC hitam bertali, berstoking hitam dan memakai tanda nama.	Pakaian Batik Rasmi Maktab atau Pakaian Rasmi Maktab atau Baju T Rasmi Maktab dan berkasut kulit / PVC hitam bertali, berstoking hitam dan memakai tanda nama.
Berkelah	Baju T berkollar, Seluar <i>slacks</i> / <i>track bottom</i> . Sandal bertali / kasut berstoking.	Baju T berkollar, Seluar <i>slacks</i> / <i>track bottom</i> . Sandal bertali / kasut berstoking.
Keluar luar mengikut Guru (<i>fieldwork</i>)	Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh Guru Pengiring.	Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh Guru Pengiring.



MRSM TERENDAK

KAMI CEMERLANG TERENDAK GEMILANG

PERATURAN PAKAIAN UNTUK AKTIVITI MAKTAB

	PAKAIAN LELAKI	PAKAIAN PEREMPUAN
Sembahyang Jumaat	Baju melayu lengkap berwarna putih, bersamping maktab. Bersongkok hitam. Kasut/sandal.	Tiada
Majlis / Jamuan Rasmī	Baju melayu lengkap / pakaian rasmi maktab/Baju Batik Maktab. Berkasut dan berstoking. Pakaian yang ditetapkan oleh maktab.	Baju kurung/pakaian rasmi maktab/Baju Batik Maktab. Berkasut dan berstoking. Pakaian yang ditetapkan oleh maktab.
Kelas Persediaan (Petang)	Pakaian rasmi maktab / baju kemeja/baju T dan seluar slacks. Berkasut dan berstoking.	Baju kurung berwarna bebas. Berkasut dan berstoking.
Kelas Persediaan (Malam)	Baju melayu/baju kemeja dan berseluar slacks. Kasut/sandal.	Baju kurung. Blaus berlengan panjang dan skirt labuh melebihi paras lutut (untuk pelajar bukan beragama Islam) kasut/sandal.
Hari Cuti	Kemas, bersih dan tidak mencolok mata.	Kemas, bersih dan tidak mencolok mata.
Majlis Keagamaan	Baju melayu lengkap, bersongkok serta sesuai dengan majlis.	Pakaian yang menutup aurat dan kemas serta sesuai dengan majlis.
Surau	Baju melayu lengkap/baju melayu dengan seluar panjang slacks atau kain pelekat atau jubah. Baju kemeja atau baju T berkollar dengan kain pelekat/seluar panjang slacks. Bersongkok/kopiah dan serban.	Baju kurung/jubah dan memakai telekung sembahyang yang lengkap.
Dewan Selera	Hari Persekolahan : Pakaian adalah seperti ke kelas. Hujung Minggu/Cuti Am : Pakaian mestilah kemas dan bersih.	Hari Persekolahan : Pakaian adalah seperti ke kelas. Hujung Minggu/Cuti Am : Pakaian mestilah kemas dan bersih.
Kelas Tambahan / Kelas Gantian	Hari Persekolahan : Pakaian adalah seperti ke kelas. Hujung Minggu/Cuti Am : Pakaian mestilah kemas dan bersih.	Hari Persekolahan : Pakaian adalah seperti ke kelas. Hujung Minggu/Cuti Am : Pakaian mestilah kemas dan bersih.
Pakaian Semasa Lawatan	Lawatan Rasmi : Pakaian adalah seperti ke kelas. Lawatan Tidak Rasmi : Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.	Lawatan Rasmi : Pakaian adalah seperti ke kelas. Lawatan Tidak Rasmi : Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN TABLET/iPAD/TELEFON PINTAR

SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN

1. Pelajar dibenarkan membawa dan mendaftar dengan pengurusan maktab **SATU (1) gajet SAHAJA** sama ada tablet/iPad/telefon pintar .
2. Pelajar mengisi Borang Pendaftaran Penggunaan Tablet/iPad/Telefon Pintar. Maklumat yang perlu diisi ialah nama pelajar, nombor kad pengenalan, nombor maktab, jenama, model dan nombor siri/imei tablet/iPad/telefon pintar dan nombor telefon.
3. Pihak maktab berhak untuk membatalkan pendaftaran, merampas dan mengenakan tindakan disiplin sekiranya terdapat sebarang pemalsuan maklumat pendaftaran dan penyalahgunaan penggunaan tablet/iPad/telefon pintar di maktab.
4. Pelajar tidak dibenarkan membuat penyambungan wayar secara haram pada alat kelengkapan elektrik untuk tujuan mengecas tablet/iPad/telefon pintar.
5. Pihak maktab **dibenarkan** memeriksa tablet/iPad/telefon pintar pelajar jika terdapat aduan atau keraguan berkaitan dengan pelanggaran peraturan maktab oleh pelajar.
6. Pelajar bertanggungjawab untuk membuka akses tablet/iPad/telefon pintar atas arahan Pengetua/TPPP/Unit Pengurusan Asrama semasa pemeriksaan sedang dijalankan.
7. Ibu bapa/penjaga boleh membuat tuntutan tablet/iPad/telefon pintar yang dirampas secara bersemuka dengan pihak pengurusan maktab setelah mendapat kelulusan.
8. Pihak MRSN tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan/kerosakan tablet/iPad/telefon pintar pelajar.
9. Pelajar wajib membawa balik tablet/iPad/telefon pintar ke rumah apabila pulang bermalam atau pada cuti semester.
10. Pelajar yang mendaftar tablet/iPad/telefon pintar adalah tertakluk kepada sebarang perubahan peraturan penggunaan tablet/iPad/telefon pintar dari semasa ke semasa.
11. Tablet/iPad/telefon pintar perlu disimpan oleh pelajar tertakluk kepada peraturan maktab.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

A. Ibu bapa bertanggungjawab:

1. Memastikan anak mendaftar **SATU (1) gajet SAHAJA** sama ada tablet/iPad/telefon pintar dengan pihak.
2. Mengisi Surat Akuan Kebenaran Ibu Bapa/Penjaga untuk membenarkan anak menggunakan tablet/iPad/telefon pintar di mакtab.
3. Mengambil maklum peraturan penggunaan tablet/iPad/telefon pintar di MRSM.
4. Mengingatkan anak untuk menjaga privasi akaun dengan meletakkan nama log masuk (*login*) dan kata kunci (*password*) untuk menjamin keselamatan data tablet/iPad/telefon pintar.
5. Mengingatkan anak untuk menjaga, menyimpan dan memastikan tablet/iPad/telefon pintar dalam keadaan selamat.
6. Mengingatkan anak untuk membawa balik tablet/iPad/telefon pintar ke rumah apabila pulang bermalam atau pada cuti semester.
7. Mengingatkan anak untuk mematuhi peraturan dan sebarang perubahan peraturan penggunaan tablet/iPad/telefon pintar yang ditetapkan oleh pihak mакtab dari semasa ke semasa.
8. Memantau penggunaan tablet/iPad/telefon pintar oleh anak di mакtab.
9. Sebarang insiden berkaitan dengan tablet/iPad/telefon pintar yang dibawa oleh pelajar adalah di bawah tanggungjawab pelajar/ibu bapa/penjaga.
10. Menanggung risiko jika berlaku sebarang kecurian, kerosakan dan kehilangan tablet/iPad/telefon pintar yang dibawa oleh anak serta kerosakan harta mакtab.
11. Mengambil maklum pihak mакtab tidak bertanggungjawab atas sebarang kehilangan/kerosakan tablet/iPad/telefon pintar anak.
12. Mengambil maklum bahawa pihak mакtab dibenarkan merampas tablet/iPad/telefon pintar anak jika anak melanggar peraturan yang ditetapkan oleh mакtab.
13. Mengambil maklum bahawa anak perlu membuka akses kepada tablet/iPad/telefon pintar oleh Pengetua/TPPP/Unit Pengurusan Asrama semasa pemeriksaan dijalankan.
14. Mengambil maklum jika anak tidak mendapat kebenaran ibu bapa/penjaga, tidak mendaftar dan melakukan penyalahgunaan berkaitan dengan masa, tempat serta muat turun bahan terlarang, tablet/iPad/telefon pintar boleh dirampas.
15. Mengambil maklum bahawa pihak mакtab boleh memeriksa tablet/iPad/telefon pintar anak jika terdapat aduan/ keraguan berkaitan dengan pelanggaran peraturan penggunaan yang ditetapkan oleh mакtab.
16. Mengambil maklum tuntutan barang rampasan hanya boleh dibuat oleh ibu

bapa/penjaga secara bersemuka, tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan maktab, sepanjang tempoh pengajian pelajar di maktab.

B. Pelajar bertanggungjawab:

1. Mendaftar **SATU (1)** gajet **SAHAJA** sama ada tablet/iPad/telefon pintar dengan pihak maktab dan mengisi Borang Pendaftaran Penggunaan Tablet/iPad/Telefon pintar.
2. Membawa Surat Akuan Kebenaran Ibu Bapa/Penjaga untuk membenarkan anak menggunakan tablet/iPad/telefon pintar di maktab.
3. Memastikan tidak membuat penyambungan wayar secara haram pada alat kelengkapan elektrik untuk tujuan mengecas tablet/iPad/telefon pintar.
4. Memastikan keselamatan penggunaan tablet/iPad/telefon pintar seperti berikut:
 - 4.1 Menjaga, menyelenggara, menyimpan dan memastikan tablet/iPad/telefon pintar dalam keadaan selamat.
 - 4.2 Menjaga privasi akaun dengan meletakkan nama log masuk (*login*) dan kata kunci (*password*) untuk menjamin keselamatan data tablet/iPad/telefon pintar.
 - 4.3 Mengelakkan persekitaran yang selamat dan produktif untuk pembelajaran semasa menggunakan tablet/iPad/telefon pintar.
 - 4.4 Melaksanakan imbasan virus dan malware pada tablet.
 - 4.5 Mengamalkan *digital citizenship*.
5. Mematuhi peraturan penggunaan tablet/iPad/telefon pintar yang ditetapkan oleh pihak maktab.
6. Pelajar wajib membawa balik tablet/iPad/telefon pintar ke rumah apabila pulang bermalam atau pada cuti semester.
7. Memberi kerjasama untuk membuka akses kepada tablet/iPad/telefon pintar oleh Pengetua/TPPP/Unit Pengurusan Asrama semasa pemeriksaan dijalankan.
8. Mematuhi sebarang perubahan peraturan penggunaan tablet/iPad/telefon pintar dari semasa ke semasa.

PERATURAN PENGGUNAAN TABLET/IPAD/TELEFON PINTAR

Panduan peraturan penggunaan:

1. Pelajar dibenarkan menggunakan tablet/iPad/telefon pintar bagi **TUJUAN PdPc** di blok akademik sepanjang waktu akademik.
2. Pelajar yang tidak mempunyai tablet/iPad dibenarkan membawa telefon pintar bagi **TUJUAN PdPc** di blok akademik sepanjang sesi akademik.
3. Pelajar adalah tertakluk kepada penganjur program luar berkaitan membawa gajet ketika aktiviti dijalankan .

LARANGAN PENGGUNAAN TABLET/IPAD/TELEFON PINTAR TERTAKLUK

KEPADA PERKARA DI BAWAH:

1. Peraturan maktab.
2. Garis Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar MRSM.
3. Ruang persendirian seperti bilik persalinan dan tandas.
4. Memintas infrastruktur rangkaian yang disediakan oleh pihakmaktab.
5. Penyambungan wayar secara haram untuk tujuan mengecas tablet/iPad/telefon pintar.
6. Mengakses atau memuat turun bahan terlarang dan yangtidak berkaitan dengan PdPc.
7. Pembulian siber yang melibatkan penggunaan tablet/iPad/telefon pintar untuk mengganggu, mengancam,memalukan, mengugut, memfitnah dan menghasut individu lain.
8. Menggunakan kemudahan rangkaian maktab untuk tujuan peribadi.
9. Melanggar undang-undang hak cipta, jenayah sivil atau menciplak maklumat yang dilindungi.





SURAT AKUAN KEBENARAN IBU BAPA / PENJAGA Penggunaan Tablet/iPad/Telefon Pintar

Adalah saya, (Nombor K/P):.....
(HURUF BESAR)

ibu bapa / penjaga kepada pelajar:

Nombor Maktab:..... Nombor Kad Pengenalan:

Tingkatan:..... Homeroom: dengan ini
memahami peraturan penggunaan tablet/iPad/telefon pintar di maktab dan sedia maklum bahawa
pihak MRSM Terendak tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kecuaian atau
kerosakan. Saya juga tidak akan membuat atau mengambil apa-apa tindakan undang-
undang/mahkamah terhadap pihak MRSM Terendak/MARA atas apa-apa kejadian yang tidak
diingini terhadap tablet/iPad/telefon pintar kepunyaan anak saya sepanjang berada di kawasan
maktab setelah tindakan sewajarnya diambil oleh pihak maktab.

Dengan ini saya membenarkan anak saya/anak jagaan saya untuk membawa dan menggunakan
*** tablet iPad telefon pintar** Terendak untuk **TUJUAN PdPc**.

(*tandakan X di petak berkenaan sahaja)

di MRSM

Tandatangan pelajar,

Tandatangan ibu bapa/penjaga,

.....

.....

Nama:

Nama:

Tarikh:

Tarikh: